



Komuniti Agro Lestari



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JABATAN PERTANIAN SARAWAK



Kemaskini 2023. Kelulusan JEJ: 12 Oktober 2023



Komuniti Agro Lestari

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

JABATAN PERTANIAN SARAWAK

Kemaskini 2023. Kelulusan JEJ 12 Oktober 2023

Hak Cipta Terpelihara

@ Jabatan Pertanian Sarawak 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mencetak ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau apa cara sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pertanian Sarawak.

ISBN 978-967-18211-6-9

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pertanian Sarawak

Unit Integriti Ibu Pejabat Pertanian,
Tingkat 7, 12-14,16-17, Menara Pelita,
Jalan Tun Abdul Rahman Yaakob, Petra Jaya,
93050 Kuching, SARAWAK

Tel : 082-319903
Faks : 082-440677
Emel : uiad.doahq@sarawak.gov.my

PERNYATAAN KOMITMEN

“Integriti dan akauntabiliti yang tinggi dalam jati diri seseorang penjawat awam sangatlah penting dalam usaha memastikan segala halatuju visi dan misi Jabatan khususnya dan kerajaan umumnya dapat dicapai dan dilaksanakan dengan jayanya”



**YANG BERTHORMAT DATO SRI DR. STEPHEN RUNDI ANAK UTOB
Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak**



“Selaras dengan hala tuju Jabatan Pertanian Sarawak untuk menjadikan Komuniti Agro Lestari, seluruh wargakerja Jabatan perlu seiring dan seirama dalam menjadikan integriti sebagai amalan dan budaya kerja.”

**ENCIK DOMINIC ANAK CHUNGGAT
Pengarah Pertanian Sarawak**

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Prakata	7
----------------	----------

BAB 1 : PENGENALAN

Latar Belakang Jabatan	9
-------------------------------	----------

Hala Tuju Jabatan	10
--------------------------	-----------

Aspirasi Bebas Rasuah	11
------------------------------	-----------

Rasuah di Malaysia	12
---------------------------	-----------

17

Prinsip Tatakelola Baik	18
--------------------------------	-----------

BAB 2 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Panduan Asas Pelaksanaan OACP	20
--------------------------------------	-----------

Hala Tuju OACP (2021-2025)	21
-----------------------------------	-----------

Mengenai Kerangka	22
--------------------------	-----------

Kerangka OACP (2021-2025)	23
----------------------------------	-----------

Strategi dan Objektif Strategik	24
--	-----------

Risiko Mengikut Bidang Keutamaan	25
---	-----------

Pelan Tindakan	27
-----------------------	-----------

Ringkasan Pelan Tindakan	34
---------------------------------	-----------

BAB 3 : KESIMPULAN

Kesimpulan	37
-------------------	-----------

POTRET AKTIVITI

PENGHARGAAN

RUJUKAN



Kemudi Agri Bestari

PRAKATA

Pelan Antirasuah Organisasi / Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) Jabatan Pertanian Sarawak merupakan satu inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dalam menangani isu-isu berkaitan dengan Governans, Integriti dan Antirasuah.

Dokumen ini merupakan dokumen rujukan lengkap kepada semua warga kerja Jabatan Pertanian Sarawak dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat memainkan peranan dalam melaksanakan pelan tindakan bagi melahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

Dokumen ini juga merupakan komitmen seluruh warga Jabatan Pertanian Sarawak untuk membanteras gejala rasuah dan salahlaku integriti dalam Jabatan. OACP-DOA Sarawak ini merupakan usaha semua bahagian dan cawangan dalam Jabatan sebagai satu gabungan tenaga dan idea untuk memastikan Sarawak mencapai status negeri berintegriti menjelang 2030.

Dokumen ini terbahagi kepada lima (5) bahagian iaitu:

Bab 1: PENGENALAN - merupakan pengenalan mengenai hala tuju Jabatan Pertanian Sarawak. Seiring dengan visi Jabatan Pertanian Sarawak untuk menjadikan komuniti agro lestari dan meningkatkan pendapatan komuniti agro melalui amalan pertanian lestari, warga kerja Jabatan seharusnya memartabatkan ketelusan dan integriti dalam penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar.

Bab 2: MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH - membincangkan empat (4) bidang keutamaan Jabatan Pertanian Sarawak iaitu Sumber Manusia dan Tadbir Urus, Inspektorat, Pengurusan Projek serta Kewangan dan Perolehan. Sebanyak 13 risiko yang telah dikenalpasti dan 32 inisiatif telah dicadangkan untuk mencapai empat (4) objektif dan enam (6) objektif strategik.

Bab 3: TADBIR URUS - membincangkan tentang ciri-ciri tadbir urus yang baik untuk diamalkan oleh Jabatan Pertanian Sarawak. Semua warga Jabatan mempunyai tanggungjawab melaksanakan tugas masing-masing berpaksikan prinsip kesaksamaan, ketelusan dan akauntabiliti. Pelan tindakan OACP akan dipantau dan dilaporkan melalui Jawatankuasa Tatakelola (JKT) Jabatan dan seterusnya disalurkan ke JKT Negeri.

Bab 4: KESIMPULAN - merumuskan pelan tindakan OACP-DOA Sarawak 2023-2025 yang merangkumi elemen tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Bab 5: POTRET AKTIVITI - gambar-gambar aktiviti-aktiviti berkaitan dengan program-program integriti dan antirasuah

BAB 1

Pengenalan

- Latar Belakang Jabatan
- Hala Tuju Jabatan
- Aspirasi Bebas Rasuah
- Rasuah di Malaysia
- Punca Rasuah
- Prinsip Tatakelola Baik

LATAR BELAKANG JABATAN

Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak) bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar seperti petani, usahawan tani dan pengeluar produk pertanian dalam pembangunan pertanian dan industri asas tani serta memastikan hasil pengeluaran pertanian yang selamat dan mencukupi bagi Negeri Sarawak.

Selaras dengan matlamat tersebut, DOA Sarawak telah menggariskan matlamat strategik seperti di bawah:

Visi

Komuniti Agro Lestari

Misi

Meningkatkan Pendapatan Agro Komuniti Melalui Amalan Pertanian Lestari

DOA Sarawak dipimpin oleh Pengarah Pertanian Sarawak dan dibantu oleh dua Timbalan Pengarah iaitu Timbalan Pengarah (Pembangunan) dan Timbalan Pengarah (Operasi).

Bagi mencapai visi dan misi, DOA Sarawak telah mengagihkan fungsinya kepada beberapa bahagian dan unit seperti berikut:

- 1) Bahagian Pengembangan dan Komunikasi Korporat
- 2) Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Tanaman
- 3) Bahagian Tanaman
- 4) Bahagian Institusi Peladang
- 5) Bahagian Perikanan Darat
- 6) Bahagian Perancangan
- 7) Bahagian Padi dan Bijian
- 8) Bahagian Khidmat Pengurusan
- 9) Bahagian Pengurusan Tanah
- 10) Bahagian Biosekuriti Tumbuhan & Kuarantin
- 11) Bahagian Kejuruteraan Pertanian
- 12) Bahagian Industri Asas Tani
- 13) Bahagian Kewangan dan Aset
- 14) Bahagian Jaminan Kualiti Tanaman
- 15) Unit Integriti
- 16) Unit Inspektorat
- 17) Unit Perolehan
- 18) Institut Pertanian Sarawak

HALA TUJU JABATAN



ASPIRASI BEBAS RASUAH

ASPIRASI BEBAS RASUAH

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) komited menyokong sepenuhnya aspirasi Kerajaan Sarawak dalam memastikan negeri ini bebas isu rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Pengarah SPRM Sarawak Datuk Mohd Zaki Hassan berkata, pihaknya juga meningkatkan fokus menjalankan pelbagai program pencegahan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya rasuah, di samping meningkatkan tata kelola di peringkat jabatan di Sarawak. Katanya, SPRM juga membantu memperbaiki prosedur atau bertindak sebagai penasihat kepada jabatan yang dilihat boleh melakukan kebocoran atau ketirisan dana-dana yang ada di Sarawak.

SUARA SARAWAK

KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

KHAMIS | 20 Jun 2024 | 13 Zulhijah 1445H

Sokong aspirasi S'wak bebas rasuah

KUCHING: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) komited menyokong sepenuhnya aspirasi Kerajaan Sarawak dalam memastikan negeri ini bebas daripada isu rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Pengarah SPRM Sarawak, Datuk Mohd Zaki Hassan berkata, pihaknya juga meningkatkan fokus dalam menjalankan pelbagai program pencegahan untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya rasuah, di samping meningkatkan fokus kepada tatakelola di peringkat jabatan-jabatan di Sarawak.

"SPRM membantu memperbaiki prosedur atau bertindak sebagai penasihat kepada jabatan-jabatan yang dilihat boleh membuatkan kebocoran kepada

dana-dana yang ada di Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg di Wisma Bapa Malaysia di sini semalam.

Katanya, kunjungan hormat itu bertujuan untuk memaklumkan kepada Abang Johari bahawa beliau memulakan tugas baharu sebagai Pengarah Bahagian Penyiasatan Tatakelola Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya dalam masa terdekat setelah berkhidmat selama enam tahun di negeri ini sebagai Pengarah SPRM Sarawak.

Beliau yakin dengan sokongan padu daripada Premier, SPRM Sarawak akan terus mengekalkan prestasi yang

cemerlang dalam menyumbang kepada usaha memberantas rasuah di rantau ini.

Mengulas lanjut, beliau turut menyatakan kebanggaannya terhadap pencapaian SPRM Sarawak yang sehingga kini berperanan aktif dalam memperkuatkan sistem pencegahan rasuah di bawah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak.

"Kita merupakan satu jawatankuasa yang memberi pandangan dari aspek penguatkuasaan.


"Oleh itu, saya amat berbangga kerana usaha ini termasuk dalam satu sejarah yang membuktikan SPRM Sarawak juga memainkan peranan dalam usaha memerangi rasuah," jelasnya.



• ABANG Johari menerima kunjungan Mohd Zaki di Wisma Bapa Malaysia di Kuching, semalam.

RASUAH DI MALAYSIA


Sektor yang Dianggap Mempunyai Isu Rasuah yang Tinggi (%)*



Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). 2024. Pembangunan Strategi Pemanterasan Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji selidik Nasional. 2023.

RASUAH DI MALAYSIA


Maklumat Rasuah Mengikut Sektor (2013-2023) (%)



Sumber: SPRM. 2024. Statistik Maklumat Rasuah yang diterima oleh SPRM: Keseluruhan maklumat (mengikut sektor rasuah) dari tahun 2013 hingga 2023.

RASUAH DI MALAYSIA


Kedudukan (Skor) CPI Malaysia, 2019-2023



Sumber: Transparency International. 2023. Indeks Persepsi Rasuah (CPI); Kementerian Ekonomi. 2023. Kajian Separuh Penggal RMKe-12 2021-2025; Ekonomi MADANI.

RASUAH DI MALAYSIA

Persepsi Rasuah di Malaysia (Skala 1-10), 2018 (%)



Sumber: World Values Survey, 2018. Wave 7: 2017-2022.

RASUAH DI MALAYSIA

Penjawat awam ambil rasuah makin serius

SALWANI MD ZAIN

PUTRAJAYA - Tahap integriti dalam kalangan penjawat awam semakin serius berbanding 10 tahun lalu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Azam Baki berkata, berdasarkan statistik yang dikeluarkan Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM, sepanjang 2016 dan sehingga Februari 2017 sahaja, sebanyak 665 kertas siasatan dibuka melibatkan penjawat awam di negara ini.

Menurutnya, daripada jumlah berkenaan, seramai 548 penjawat awam telah ditangkap sepanjang tempoh tersebut, manakala 63 kes telah dituduh di mahkamah.

"Ini menunjukkan betapa seriusnya rasuah dalam kalangan penjawat awam, kita khuatir jumlah ini akan terus meningkat sekiranya tidak dibendung daripada sekarang," katanya pada majlis Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), bersama SPRM, semalam.

Beliau berkata, berbanding tempoh tujuh tahun dahulu, isu rasuah membabitkan penguatkuasaan, perolehan, dan ahli politik, tidak berubah, malah semakin serius.

Bagaimanapun katanya, rasuah masih boleh dikawal melalui peranan agresif yang dimainkan oleh SPRM.

"Sebab itu bermula Ogos tahun lepas, hingga sekarang SPRM nampaknya begitu agresif dengan tindakan penguatkuasaannya baik dari segi penahanan dan dakwaan.

"Bukan bermakna rasuah sebelum ini tidak berlaku ataupun SPRM tidak bertindak, namun senario ini sejak 33 tahun saya berada dalam SPRM, salah guna kuasa di sektor awam ini masih di tahap yang tidak berubah, tapi masih belum terlambat untuk kita tangani," katanya.

Menurutnya, banyak faktor yang mendorong gejala rasuah masih berlaku. Antaranya, disebabkan ekonomi.

"Apabila negara makin membangun, banyak transaksi ekonomi berlaku dan ia akan mendedahkan kita kepada banyak peluang.

"Jadi apabila seorang yang diberi kuasa mendapat peluang itu, dia mungkin cenderung untuk terjebak dalam kegiatan rasuah dan salah guna kuasa," katanya.

Salah guna kuasa di sektor awam ini masih di tahap yang tidak berubah, tapi masih belum terlambat untuk kita tangani."
- Azam

INFO ● SPRM risau ● Integriti hilang




Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki

Apabila negara makin membangun, banyak transaksi ekonomi berlaku dan ia akan mendedahkan kita kepada banyak peluang. Jadi apabila seseorang yang diberi kuasa mendapat peluang itu, dia mungkin cenderung untuk terjebak dalam kegiatan rasuah dan salah guna kuasa.

PUNCA RASUAH

Punca Rasuah Dikenalpasti Melalui Sesi Libat Urus Bersama Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun (%)



Sumber: SPRM, 2024. Aduan diterima oleh SPRM: Sesi libat urus dengan agensi-agensi Kerajaan.

PRINSIP TATAKELOLA BAIK

Prinsip Tatakelola Baik



Prinsip Tatakelola Baik



T

Ketelusan

Menjunjung prinsip ketelusan demi mengembalikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan.

R

Memperkuh Akauntabiliti

Memastikan pemimpin sektor awam bertanggungjawab atas setiap keputusan yang dibuat.

E

Kecekapan

Mengukur pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang mempunyai kesan positif dan memanfaatkan sumber secara optimum demi kemajuan negara dan rakyat.

E

Keberkesanan

Memastikan setiap dasar dan inisiatif yang diputuskan terlaksana selari dengan hasrat tujuannya dan dilaksanakan dengan berkesan melalui pemantauan berkala yang strategik dan sistemik.

Sumber: Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) 2021. Petunjuk Tadbir Urus Malaysia 2020, muka surat 3.

BAB 2

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

— Panduan Asas Perlaksanaan OACP

— Hala Tuju Jabatan OACP (2021-2025)

— Mengenai Kerangka

— Kerangka OACP (2021-2025)

— Strategi dan Objektif Strategik

— Risiko Mengikut Bidang Keutamaan

— Pelan Tindakan

— Ringkasan Pelan Tindakan

PANDUAN ASAS PERLAKSAAN OACP

5A

Jangkaan (Anticipation)

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui Penilaian Risiko Rasuah (CRM), yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini penting untuk mengenal pasti langkah-langkah pembedahan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi.

Advokasi (Advocacy)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat Keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor, dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

Persepakatan (Alliance)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar yang akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

Tindakan (Action)

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Organisasi hendaklah bertindak tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan undang-undang sedia ada.

Akreditasi (Accreditation)

Proses penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan dasar/ peraturan yang boleh membantu organisasi mengemaskini dasar dan peraturan yang telah lapuk.

HALA TUJU PELAN ANTI RASUAH (OACP) DOA SARAWAK (2021-2025)

VISI

Integriti menjamin transformasi pertanian

MISI

Penyampaian perkhidmatan cemerlang melalui pembudayaan integriti warga kerja dan tadbir urus yang baik

MATLAMAT

- 1) Membangunkan modal insan berintegriti & berakauntabiliti
- 2) Memantapkan tadbir urus dan pengukuhan integriti
- 3) Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan

MENGENAI KERANGKA

Kerangka OACP-DOA Sarawak menekankan kepada dua visi utama untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang iaitu melalui pembudayaan integriti warga kerja dan tadbir urus yang baik. Misi ini secara ringkasnya menekankan kepada perkhidmatan yang cekap dan telus, pematuhan kepada perundangan dan peraturan serta pengukuhan integriti seluruh warga DOA Sarawak.

4 Bidang Keutamaan

6 Objektif Strategi

13 Bilangan Risiko


32 Bilangan Inisiatif

1 Inisiatif Ditangguhkan

25 Inisiatif Jangka Pendek (1-2 Tahun)

6 Inisiatif Jangka Sederhana (3 Tahun)

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH (OACP) DOA SARAWAK (2023-2025)



STRATEGI DAN OBJEKTIF STRATEGIK

BIDANG KEUTAMAAN: SUMBER MANUSIA DAN TADBIR URUS

Strategi	1. Memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan Jabatan
Objektif Strategi	1.1. Memantapkan kompetensi dan jati diri kakitangan Jabatan

BIDANG KEUTAMAAN: INSPEKTORAT

Strategi	2. Memperkasakan pematuhan
Objektif Strategi	2.1. Memperkukuh kecekapan dan pelaksanaan dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan.
Strategi	2. Memperkasakan pematuhan
Objektif Strategi	2.2. Membudayakan amalan integriti dan profesionalisma dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan.

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROJEK

Strategi	3. Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan pengurusan projek
Objektif Strategi	3.1 Memperkasakan dokumentasi pengurusan pemantauan projek
Strategi	3. Mempertingkatkan keberkesanan ketelusan pengurusan projek
Objektif Strategi	3.2 Meningkatkan pengamalan integriti dan ketelusan dalam pengurusan projek

BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Strategi	4. Mempertingkatkan kecekapan serta pematuhan dalam pengurusan perolehan dan kewangan
Objektif Strategi	4.1 Meningkatkan akauntabiliti serta ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kewangan agar wujudnya daya tahan terhadap ancaman rasuah

RISIKO MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN: SUMBER MANUSIA DAN TADBIR URUS

STRATEGI	1. MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN
Objektif Strategi	1.1 Memantapkan kompetensi dan jati diri kakitangan Jabatan
Risiko	1.1.1 Kebocoran maklumat/data/dokumen terperingkat
	1.1.2 Ketidakecapan pejabat menyebabkan tugas tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan
	1.1.4 Kelemahan pengurusan aset alih dan stor

BIDANG KEUTAMAAN: INSPEKTORAT

STRATEGI	2. MEMPERKASAKAN PEMATUHAN
Objektif Strategi	2.1 Memperkukuh kecekapan dan pelaksanaan dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan.
Risiko	2.1.1 Kelemahan dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan
Objektif Strategi	2.2 Membudayakan amalan integriti dan profesionalisma dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan.
Risiko	2.2.1 Pejabat terdedah dengan sogokan dalam melaksanakan tugas

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROJEK

STRATEGI	3. MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PENGURUSAN PROJEK
Objektif Strategi	3.1 Memperkasakan dokumentasi pengurusan pemantauan projek
Risiko	3.1.1 Kelemahan dalam pengurusan & pemantauan projek pembangunan pertanian (Bahagian Tanaman, Institusi Peladang, Perikanan Darat, Industri Asas Tani, Pengembangan, Kejuruteraan Pertanian, Penyelidikan Tanaman, Padi Dan Bijian)
Objektif Strategi	3.2 Meningkatkan pengamalan integriti dan ketelusan dalam pengurusan projek
Risiko	3.2.1 Penyalahgunaan kuasa dalam pemilihan penerima bantuan/ insentif program-program pembangunan pertanian (Bahagian Tanaman, Institusi Peladang, Perikanan Darat, Industri Asas Tani, Pengembangan, Kejuruteraan Pertanian, Penyelidikan Tanaman, Padi Dan Bijian)

RISIKO MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI	4. MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN SERTA PEMATUHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN
Objektif Strategi	4.1 Meningkatkan akauntabiliti serta ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kewangan agar wujudnya daya tahan terhadap ancaman rasuah
Risiko	4.1.1 Manipulasi dan penyelewengan dalam melaksanakan tatacara pengurusan perolehan
	4.1.2 Kebocoran maklumat sulit perolehan bagi mendapatkan suapan
	4.1.3 Salahlaku tuntutan palsu
	4.1.4 Pejabat tidak mematuhi tatacara kewangan dalam pengagihan tunai kepada peserta semasa melaksanakan projek
	4.1.5 Pembelian stok bekalan input ladang melebihi keperluan serta tidak mematuhi Rancangan Belanjawan dan Perniagaan Tahunan (RBT) menyebabkan pembaziran dan kerugian kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: SUMBER MANUSIA DAN TADBIR URUS

STRATEGI 1. MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN

Objektif Strategi 1.1. Memantapkan kompetensi dan jati diri kakitangan Jabatan

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.1.1	Kebocoran maklumat/data/dokumen terperingkat	1.1.1(i) Menghadkan akses kepada dokumen dan fail-fail sulit	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
		1.1.1(ii) Mengadakan kursus dan taklimat keselamatan dokumen kerajaan	Bahagian Khidmat Pengurusan (Utama) dan Unit Integriti	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
1.1.2.	Ketidakecapan Pejabat menyebabkan tugas tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan	1.1.2(i) Melaksanakan penyediaan dan pemantauan berterusan pelaksanaan myPortfolio	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
		1.1.2(ii) Melaksanakan Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan yang melibatkan aspek generik dan teknikal	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
		1.1.2(iii) Melaksanakan program Mentor-Mentee / On the Job Training (OJT)	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
		1.1.2(iv) Melaksanakan pemeriksaan mengejut di peringkat Ibu Pejabat, Pejabat Pertanian Bahagian dan Daerah, Stesen Pertanian serta Pusat Latihan Pertanian	Bahagian Khidmat Pengurusan (Utama) dan Unit Integriti	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: SUMBER MANUSIA DAN TADBIR URUS

STRATEGI 1. MEMPERKUKUH KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JABATAN

Objektif Strategi 1.1. Memantapkan kompetensi dan jati diri kakitangan Jabatan

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
1.1.3.	Peningkatan masalah disiplin/tatatertib dalam kalangan kakitangan menyebabkan penyampaian perkhidmatan terjejas	1.1.3(i) Melaksanakan kursus, taklimat tatatertib dan program pembudayaan integriti secara komprehensif (Kerjasama dengan pihak AADK, AKPK, UPPSM)	Bahagian Khidmat Pengurusan (Utama) dan Unit Integriti	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
		1.1.3(ii) Memberi perkhidmatan kaunseling kepada kakitangan yang bermasalah	Bahagian Khidmat Pengurusan (Utama) dan Unit Integriti	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
		1.1.3(iii) Meningkatkan kesedaran kepada pelanggan / kakitangan mengenai undang-undang di bawah tanggungjawab Jabatan	Bahagian Khidmat Pengurusan dan Unit Integriti (Utama)	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
1.1.4.	Kelemahan pengurusan aset alih dan stor	1.1.4(i) Mengadakan pemeriksaan sekurang-kurangnya setahun sekali	Bahagian Kewangan & Aset	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)
		1.1.4(ii) Mengadakan Kursus Pengurusan Aset dan Taklimat Pemeriksaan Aset	Bahagian Khidmat Pengurusan & Bahagian Kewangan & Aset (Utama)	Jangka Pendek (2024 - 2025, 2 Tahun)

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: INSPEKTORAT

STRATEGI

2. MEMPERKASAKAN PEMATUHAN

Objektif Strategi

2.1. Memperkukuh kecekapan dan pelaksanaan dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
2.1.1.	Kelemahan dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan	2.1.1(i) Memperkukuh dan menambah bilangan kakitangan	Bahagian Khidmat Pengurusan	1-2 tahun
		2.1.1(ii) Memantapkan kerjasama antara agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mengurus kawalan sempadan	Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan dan Kuarantin, Bahagian Perikanan Darat, Unit Komunikasi Korporat	1-2 tahun
		2.1.1(iii) Membangunkan mekanisme pemantauan pengeluaran lesen & pemeriksaan konsainan	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan dan Kuarantin, Bahagian Perikanan Darat	1-2 tahun
		2.1.1(iv) Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran lesen dan permit melalui penggunaan ICT	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan dan Kuarantin	1-2 tahun
		2.1.1(v) Meningkatkan kompetensi dalam menjalankan tugas berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang.	Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan dan Kuarantin, Bahagian Perikanan Darat	1-2 tahun

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: INSPEKTORAT

STRATEGI 2. MEMPERKASAKAN PEMATUHAN

Objektif Strategi 2.2. Membudayakan amalan integriti dan profesionalisma dalam pematuhan peraturan, undang-undang dan ordinan.

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
2.2.1.	Pejabat terdedah dengan sogokan dalam melaksanakan tugas	2.2.1(i) Meningkatkan pemahaman dan menyebarkan mesej anti-rasuah, nilai-nilai murni dan integriti kepada semua peringkat warga kerja jabatan	Unit Integriti, Unit Inspektorat, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan dan Kuarantin, Bahagian Perikanan Darat, Unit Komunikasi Korporat	1-2 tahun

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROJEK

STRATEGI 3. MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PENGURUSAN PROJEK

Objektif Strategi 3.1 Memperkasakan dokumentasi pengurusan pemantauan projek

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
3.1.1	Kelemahan dalam pengurusan & pemantauan projek pembangunan pertanian (Bahagian Tanaman, Institusi Peladang, Perikanan Darat, Industri Asas Tani, Pengembangan, Kejuruteraan Pertanian, Penyelidikan Tanaman, Padi dan Bijian)	3.1.1(i) Membangunkan Mekanisma dan Garis Panduan Am Pemantauan Projek di Jabatan	Unit Inspektorat, (kerjasama dengan Bahagian Tanaman, Institusi Peladang, Perikanan Darat, Industri Asas Tani, Pengembangan, Kejuruteraan Pertanian, Padi dan Bijian, Penyelidikan dan Pembangunan Tanaman, Perancangan)	1 tahun
		3.1.1 (ii) Menyemak semula dan menambahbaik Skim Mekanik/ Manual Pelaksanaan sedia ada mengikut keperluan melalui sesi libat urus dengan pihak berkaitan	Bahagian Perancangan (kerjasama dengan Bahagian Tanaman, Institusi Peladang, Padi dan Bijian Perikanan Darat, Industri Asas Tani, Pengembangan, Kejuruteraan Pertanian, Penyelidikan & Pembangunan Tanaman)	Sepanjang 2024-2025
		3.1.1 (iii) Memperkasakan naziran/pemantauan projek secara berkala	Unit Inspektorat, (kerjasama dengan Bahagian Tanaman, Institusi Peladang, Perikanan Darat, Industri Asas Tani, Pengembangan, Kejuruteraan Pertanian, Padi dan Bijian, Penyelidikan dan Pembangunan Tanaman, Perancangan)	Sepanjang 2024-2025

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROJEK

STRATEGI	3. MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PENGURUSAN PROJEK
Objektif Strategi	3.1 Memperkasakan dokumentasi pengurusan pemantauan projek

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
		3.1.1 (iv) Memastikan semua teguran audit diambil tindakan oleh pemilik program dan pelaksana yang berkaitan	Unit Inspektorat	Sepanjang 2024-2025

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PROJEK

STRATEGI	3. MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PENGURUSAN PROJEK
Objektif Strategi	3.2 Meningkatkan pengamalan integriti dan ketelusan dalam pengurusan projek

BIL	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
3.2.1.	Penyalahgunaan kuasa dalam pemilihan penerima bantuan/ insentif program-program pembangunan pertanian (Bahagian Tanaman, Institusi Peladang, Perikanan Darat, Industri Asas Tani, Pengembangan, Kejuruteraan Pertanian, Penyelidikan Tanaman, Padi dan Bijian)	3.2.1 (i) Menjalankan siasatan sekiranya terdapat aduan yang berkaitan	Unit Integriti & Inspektorat	Sepanjang 2024-2025
		TANGGUH(1) Permohonan dan kelulusan secara atas talian (online)	Bahagian Perancangan	Tangguh

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI	4. MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN SERTA PEMATUHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN
Objektif Strategi	4.1 Meningkatkan akauntabiliti serta ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kewangan agar wujudnya daya tahan terhadap ancaman rasuah

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
4.1.1	Manipulasi dan penyelewengan dalam melaksanakan tatacara pengurusan perolehan	4.1.1 (i) Membangunkan modul latihan berkenaan dengan tatacara kewangan dan perolehan	Bahagian Kewangan dan Aset Bahagian Khidmat Pengurusan	Jangka Sederhana (2023 - 2025, 3 Tahun)
		4.1.1 (ii) Mengadakan naziran dalaman secara mengejut bagi mengenalpasti kelemahan dan pelanggaran terhadap tatacara kewangan dan perolehan	Bahagian Kewangan dan Aset Unit Inspektorat	Jangka Sederhana (2023 - 2025, 3 Tahun)
		4.1.1 (iii) Mewajibkan pusingan kerja untuk jawatan sensitif yang melibatkan perolehan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jangka Sederhana (2023 - 2025, 3 Tahun)
4.1.2	Kebocoran maklumat sulit perolehan bagi mendapatkan suapan	4.1.2 (i) Pelantikan secara bertulis dan deskripsi skop kerja yang jelas kepada Pejabat yang terlibat dalam urusan perolehan	Bahagian Kewangan dan Aset	Jangka Pendek (2023 - 2025, 1-2 Tahun)
		4.1.2 (ii) Mengehadkan capaian maklumat sulit hanya kepada Pejabat yang diberi kuasa	Bahagian Kewangan dan Aset	Jangka Sederhana (2023 - 2025, 3 Tahun)

PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI	4. MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN SERTA PEMATUHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN
Objektif Strategi	4.1 Meningkatkan akauntabiliti serta ketelusan dalam pengurusan perolehan dan kewangan agar wujudnya daya tahan terhadap ancaman rasuah

Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Masa
4.1.3	Salahlaku tuntutan palsu	4.1.3 (i) Memperkenalkan mekanisme pemantauan bagi segala tuntutan yang dibuat oleh Pejabat	Bahagian Kewangan dan Aset Unit Integriti	Jangka Pendek (2023 - 2025, 1-2 Tahun)
		4.1.3 (ii) Program kesedaran mengenai implikasi membuat tuntutan palsu	Bahagian Kewangan dan Aset Unit Integriti	Jangka Sederhana (2023 - 2025, 3 Tahun)
4.1.4	Pejabat tidak mematuhi tatacara kewangan dalam pengagihan tunai kepada peserta semasa melaksanakan projek	4.1.4 (i) Mewajibkan pembayaran melalui akaun bank peserta	Bahagian Kewangan dan Aset	Jangka Pendek (2023 - 2025, 1-2 Tahun)
4.1.5	Pembelian stok bekalan input ladang melebihi keperluan serta tidak mematuhi Rancangan Belanjawan dan Perniagaan Tahunan (RBT) menyebabkan pembaziran dan kerugian kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)	60) 4.1.5 (i) Pemantauan pengurusan akaun dan kewangan yang lebih kerap	Bahagian Kewangan dan Aset Bahagian Institusi Peladang	Jangka Sederhana (2023 - 2025, 3 Tahun)

RINGKASAN PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN	SUMBER MANUSIA DAN TADBIR URUS			KEWANGAN DAN PEROLEHAN	JUMLAH
	INSPEKTORAT	PENGURUSAN PROJEK			
OBJEKTIF STRATEGI	1	2	2	1	6
BILANGAN RISIKO	4	2	2	5	13
BILANGAN INISIATIF	11	6	5	9	32
INISIATIF DITANGGUHKAN	0	0	1	0	-1



BAB 3

KESIMPULAN

KESIMPULAN

OACP-DOA Sarawak (2021-2025) merupakan manifestasi komitmen Jabatan Pertanian Sarawak bagi menyokong Pelan Antirasuah Nasional (NACP) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas rasuah.

Rasuah umpama api dalam sekam yang perlu ditangani secara bijak agar ia tidak merebak berleluasa. OACP dijangka dapat mengurangkan segala bentuk rasuah melalui langkah-langkah pencegahan dan punitif secara menyeluruh meliputi penguatkuasaan undang-undang, pengukuhan integriti, pemantapan tadbir urus, penggunaan teknologi ICT dan pemeraksanaan kapasiti.

Justeru, dokumen ini dibangunkan sebagai rujukan kepada Jabatan untuk menangani hal berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan rasuah dalam kalangan warga kerja. Untuk edisi kemaskini 2024-2025 ini, sebanyak 63 pelan tindakan telah dikemaskini untuk pelaksanaan bagi menangani 13 risiko yang telah dikenalpasti. Pelan tindakan OACP-DOA Sarawak Edisi Kemaskini 2024-2025 juga telah dikategorikan kepada pelan tindakan jangka pendek (1-2 tahun) dan jangka sederhana (3 Tahun). Sebanyak 25 pelan tindakan jangka pendek dan 6 pelan tindakan jangka panjang telah dirancang untuk pelaksanaan. Manakala 1 pelan tindakan ditangguhkan sehingga sistem telah dibangunkan sepenuhnya.

Jabatan Pertanian Sarawak sentiasa meletakkan komitmen yang tinggi dalam menangani gejala rasuah dalam kalangan warga kerjanya. Jabatan akan sentiasa memastikan perkhidmatan penyampaian yang efektif, telus dan efisien untuk memastikan visi Jabatan iaitu Komuniti Agro Lestari.

POTRET AKTIVITI





Sambutan Hari Integriti 2024





CERAMAH INTEGRITI

DI BAHAGIAN KUCHING





BENGKEL SEMAKAN SEMULA & PEMBAHARUAN OACP JABATAN PERTANIAN SARAWAK





UNIT INTEGRITI
AN OMBUDSMAN
SARAWAK
BATAN PREMIER SARAWAK
//premierdept.sarawak.gov
.my/UNION

082-510881
082-311374

CERAMAH KESEDARAN INTEGRITI

JABATAN PERTANIAN SARAWAK (DOA)

6 APRIL 2023
9.00 PAGI - 11.00 PAGI

ABANG NURFADLI BIN ABANG YUSUF
abgfadli@sarawak.gov.my

Ceramah Integriti Online



A participant has enabled Closed Captioning | Who can see this transcript? Recording on

an aduan rasmi kepada Unit Integriti (UI) di tempat
ertugas

poran polis atau mengemukakan aduan kepada
ertanggungjawab jika melibatkan kesalahan jenayah

i Pegawai Psikologi, Kaunselor Organisasi, UI, JPA
ensi lain yang berkaitan sekiranya berasa tidak pasti
da gangguan seksual telah berlaku ke atas dirinya,
mendapatkan maklumat lanjut atau khidmat nasihat
ung tindakan yang boleh diambil



Security | 99 Participants | Polls | Chat | Share Screen | Record | Show Captions | Reactions





Podcast Online Integriti



*Ceramah
Integriti di
Miskal*



PENGHARGAAN

PENAUNG JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP

Encik Dominic anak Chunggat, Pengarah Pertanian Sarawak

PENGERUSI

Puan Radziah binti Jack Timbalan Pengarah Pertanian(Operasi)

SETIAUSAHA

Cik Nur Najwa binti Hamsein, Ketua Unit Integriti

AHLI-AHLI

Encik Gilbert anak Igi, Timbalan Pengarah Pertanian (Pembangunan) / Ketua Penolong
Pengarah Bahagian Tanaman

Puan Rajmah Muzli binti Razili, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Industri Asas Tani
Ts. Hajah Asmah binti Salowi, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan Dan
Kuarantin

Puan Rabiatul Adawiyah binti Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perikanan Darat
Dr.Maclin anak Dayod, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Tanaman

Encik Jopen anak Abut, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Tanah
Puan Catherine Sendon anak Ngelingkong, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Khidmat
Pengurusan

Encik Badin anak Unor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengembangan Dan Komunikasi
Korporat

Encik Awang Roslan bin Awang Hipni, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Institusi Peladang

Encik Chang Tun Hua, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian

Encik Jafaruddin bin Ali, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Padi dan Bijian

Encik Benedict Teo Chung Beng, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan

Encik Mike Tyson anak Tennent, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kewangan dan Aset

Puan Chong Mui Sia, Penolong Pengarah Unit Perolehan

Encik Syahalizul bin Sulaiman, Penolong Pengarah Unit Inspektorat

Puan Roslind Anyi, Penolong Pengarah Pejabat Penyelidikan Wilayah Utara

Puan Monica Jessi anak Sihoi, Pegetua Institut Pertanian Sarawak

Puan Rosahhajah binti Mohidi, Pegawai Pertanian Bahagian Kuching

Puan Heidylia anak Joshua, Pegawai Pertanian Bahagian Serian

Encik John anak Jadol, Pegawai Pertanian Bahagian Sri Aman

Encik Petrus Kang, Pegawai Pertanian Bahagian Betong

Encik Hamzah bin Abu Bakar, Pegawai Pertanian Bahagian Samarahan

Puan Malissa Bonaventure Lutong, Pegawai Pertanian Bahagian Mukah

Encik Andrew Iling, Pegawai Pertanian Bahagian Sibul

Encik Wee Poh Leong, Pegawai Pertanian Bahagian Kapit

Encik Freddy Paul Giang anak Engie, Pegawai Pertanian Bahagian Sarikei

Encik Jackson Nanta anak Bernabas Baie, Pegawai Pertanian Bahagian Bintulu

Encik Hafriz bin Razak, Pegawai Pertanian Bahagian Miri

Encik Amirul Fikri bin Jemali, Pegawai Pertanian Bahagian Limbang

PENGHARGAAN

SEKRETARIAT

Cik Nur Najwa binti Hamsein
Encik Justin Malik bin Masiar @ Peton
Cik Qurratu'aini binti Hasimi
Puan Azizah binti Suhaili
Encik Mohd Farid bin Suhai Melian

FASILITATOR:

Puan Susan Steward Ngau Ding (Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority -
SALCRA)
Encik Abdul Wahab bin Ahmad (Jabatan Hutan Sarawak)

SEKALUNG BUDI:

Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNION)
Puan Catherine Sendon anak Ngelingkong
Ts. Hajah Asmah binti. Salowi
Puan Rajmah Muzli binti Razili
Puan Rosahhajah binti Mohidi
Puan Monica Jessi anak Sihoi
Encik Mike Tyson anak Tennent
Encik Dyan Nath Kaushal
Encik Syahalizul bin Sulaiman
Ts. Gs. Frankie anak Lanying
Encik Ahmad Arisa bin Kanchon
Puan Yeo Pei Pei
Encik Tay Guan Tong
Puan Rokaiyah binti Musa
Puan Pearlycia Brooke
Cik Clare Henneversa Hendrik
Encik Latip anak Bundan
Puan Ensangai anak Senaun
Puan Wendy Ferrina anak Tarry
Puan Magdelin anak Bigap
Puan Nurul Azzah binti Zainal
Cik Georgina anak Johnson
Puan Ralphaella Shange anak Kampit
Encik Shamsull bin Safery

RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009
2. Pekeliling Integriti Negeri Sarawak Bil.1 2020 - OACP
3. Keratan Akhbar Suara Sarawak
4. Sistem Keratan Akhbar Majlis Perbandaran Selayang
5. Laman Web Rasmi Jabatan Pertanian Sarawak
6. Laman Web Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),
<https://www.sprm.gov.my>
7. Laman Web Rasmi Unit Integriti dan Ombudsman Negeri Sarawak (UNION),
<https://premierdept.sarawak.gov.my/web/home/index/UNION>
8. Dewan Bahasa dan Pustaka Online,
<https://prpm.dbp.org.my>
9. National Anti-Corruption Strategy 2024-2028 (NACS)



Komuniti Agro Lestari



**Unit Integriti Ibu Pejabat Pertanian,
Tingkat 7, 12-14,16-17, Menara Pelita,
Jalan Tun Abdul Rahman Yaakob, Petra Jaya,
93050 Kuching, SARAWAK**